

Kami **(AL-INARAH)** nyatakan bahawa isu menelan air liur ini termasuk dalam umum al-balwa (perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan). Hal ini samalah seperti menghidu wangi-wangian dan debu-debu jalanan, di mana kesemuanya tidak membatalkan puasa.



Oleh itu, menelan air liur secara umum tidaklah membatalkan puasa. Adapun berkenaan perbuatan menghimpunkan air liur di dalam mulut, kemudian ditelan air liur tersebut, maka sebahagian ulama' menghukumkannya sebagai makruh.

(Ini yang dinyatakan Imam al-Nawawi dan juga Ibnu Qudamah)

[Lihat al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 6/318)
dan Lihat al-Mughni, 3/16]

BATAL PUASA

Manakala jika air liur itu telah dikeluarkan daripada mulut, kemudian dia memasukkan dan menelannya semula, maka inilah yang membatalkan puasa.

(Ini juga pendapat dinyatakan oleh Imam Nawawi di dalam al-Majmuk)

KESIMPULAN

Menelan air liur secara biasa ketika puasa tidak membatalkan puasa. Tetapi mengumpulkan air liur dan menelannya sekaligus hukumnya makruh. **Air liur yang telah keluar dari mulut lalu ditelan semula ia membatalkan puasa.**

SUMBER

Rujuk al-Inarah #919: Menelan Air Liur Ketika Berpuasa